

25 SEP 2001

Singapura-Malaysia

S'PURA TELITI MENGENAI PERJANJIAN DENGAN M'SIA, KATA JAYAKUMAR

SINGAPURA, 25 Sept (Bernama) -- Singapura telah membuat perkiraan yang teliti dan mengambil kira kepentingan negara semasa ia mencapai perjanjian dengan Malaysia pada awal bulan ini berhubung beberapa isu tertunggak, kata Menteri Luar S.Jayakumar hari ini.

Beliau berkata perjanjian yang dicapai antara Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan "satu kompromi yang dibuat oleh kedua-dua pihak" dan telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala.

Beliau menjawab soalan di Parlimen bagi pihak Perdana Menteri Goh Chok Tong berhubung perjanjian itu dan sama ada Singapura mendapat faedah daripadanya.

Sambil menyifatkan perjanjian itu sebagai satu "kejayaan psikologi" berikutan perbalahan yang berlarutan, beliau berkata ia menunjukkan bahawa kedua-dua negara menyedari nilai kerjasama dan peranan masing-masing dalam kestabilan dan pertumbuhan kedua-dua buah negara.

"Persoalan penting yang perlu ditanya oleh rakyat Singapura adalah: Sama ada kita meraih manfaat dengan mengikat perjanjian itu, atau membiarkan isu-isu tertunggak itu berlarutan?" katanya.

Antara isu penting adalah perjanjian baru bekalan air bagi Singapura selepas 2061 dan penempatan semula stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) di Tanjung Pagar dan masa depan tanah milik KTMB itu.

Ketika ditanya kenapa Singapura mencadangkan untuk membayar lebih bagi air dan memberi tambahan 12 petak tanah di Bukit Timah kepada Malaysia, Jayakumar berkata ia bertujuan mempercepatkan rundingan dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada pakej perjanjian.

"Ketika kita bersetuju kepada pelbagai tambahan itu, dan apabila kita mengemukakan beberapa cadangan, kami membuat perkiraan dengan teliti. Saya fikir Parlimen sudah tentu tidak mahu kita mengemukakan cadangan dengan tidak bersungguh-sungguh...kita perlu mengambil kira apa yang dapat memajukan kepentingan kita," katanya.

Jayakumar berkata beliau tidak dapat memberikan tarikh sebenar bila perjanjian itu akan ditandatangani kerana "terdapat banyak perkara, butiran penting untuk diselesaikan."

Bagaimanapun, kedua-dua negara mempunyai keinginan untuk menyelesaikannya secepat mungkin, katanya.

Beliau juga ditanya sama ada akan wujud kelewatan atau kejutan di masa hadapan memandangkan kedua-dua negara berselisih pendapat berhubung Perkara Dipersetujui 1990 di mana mereka bersetuju untuk membangunkan semula tanah KTMB itu.

Jayakumar berkata beliau berharap ia tidak akan berlaku kerana kedua-dua buah negara kini menghadapi masalah lain selepas serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept lalu.

Beliau berkata apabila ia dimeterai, Singapura dan Malaysia terikat oleh undang-undang antarabangsa untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian itu.

Pembangkang Singapura berkata ia gembira kerana kedua-dua negara telah mencapai satu perjanjian dan menganggapnya sebagai satu kemajuan dalam hubungan dua hala.

"Harapan kami adalah sebelum kita menandatangani perjanjian itu, perlu ada jaminan dari Malaysia bahawa ia akan terus membekalkan air mentah ke Singapura," kata wakil pembangkang Chiam See Tong.

-- BERNAMA  
TCL AKD